



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


24 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 622 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 230,645 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Beaufort manakala masing-masing satu (1) kes di Nabawan, Kota Kinabalu dan Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 378 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 219,480 orang. Manakala 1,656 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 671 orang di hospital, 967 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 76 orang merangkumi 70 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward* (*HDW/kubikel akut* dan 29 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*)). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 64 (30.48%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning dua (2) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Jumlah kes hari ini terus melambung tinggi melepas angka 600 kepada 622 kes, peningkatan sebanyak 96 kes berbanding semalam.
- b Jumlah yang tinggi ini sebenarnya tidak mengejutkan, malah sudah diramal awal dengan mengambil kira kadar peratusan kes-kes sporadik yang tinggi (Saringan Bergejala). Peratusan kes-kes sporadik secara konsisten berada pada tahap 35% - 40% sejak beberapa minggu. Jangkitan akan berlaku lebih cepat apabila virus berada di tengah-tengah masyarakat yang mengambil ringan keperluan mematuhi SOP serta nasihat penjagaan kesihatan yang lain.
- c Sebanyak 13 daerah mencatatkan peningkatan kes dengan empat (4) daerah menunjukkan peningkatan yang sangat drastik iaitu Tuaran dengan pertambahan +57 kes, Ranau +46 kes, Kota Belud +38 kes dan Kinabatangan +35 kes. Adalah diperhatikan kesemua 39 kes baharu di Kinabatangan hari ini adalah daripada Kluster Sawit Jati. Sebanyak 12 daerah lagi mencatatkan penurunan dengan enam (6) daerah menunjukkan penurunan jumlah yang agak naik. Namun jumlah keseluruhan kes bagi daerah-daerah yang mencatatkan penurunan tidak dapat mengatasi jumlah kes daerah-daerah yang mencatatkan pertambahan.
- d Daripada 622 kes baharu hari ini, 609 kes atau 98% adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 yang lazimnya bukan dalam kategori yang serius. Dua (2) pesakit adalah dalam Kategori 3, dua (2) pesakit dalam Kategori 4 dan tiga (3) pesakit dalam Kategori 5. Enam (6) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- e Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (311) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	47	7.56%
2	Bergejala	232	37.30%
3	Kontak	311	50.00%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	32	5.14%
JUMLAH		622	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 23/11/2021	Catatan Kes 24/11/2021	Perbandingan
1	Tuaran	19	76	+57
2	Ranau	19	65	+46
3	Kota Belud	18	56	+38
4	Kinabatangan	4	39	+35
5	Kota Kinabalu	101	109	+8
6	Kudat	18	26	+8
7	Lahad Datu	4	11	+7
8	Pitas	6	12	+6
9	Tenom	18	22	+4
10	Kuala Penyu	12	16	+4
11	Penampang	32	35	+3
12	Beluran	4	6	+2
13	Tawau	2	4	+2
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Kunak	0	0	Mendatar
16	Kota Marudu	54	20	-34
17	Papar	41	21	-20
18	Telupid	25	5	-20
19	Beaufort	49	35	-14
20	Keningau	23	11	-12
21	Sandakan	16	4	-12
22	Putatan	17	12	-5
23	Tongod	10	7	-3
24	Sipitang	16	15	-1
25	Tambunan	15	14	-1
26	Nabawan	2	1	-1
27	Semporna	1	0	-1
JUMLAH		526	622	+96

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (10 November – 23 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	6	59	39	0	5	109	1,145
Tuaran	0	59	14	0	3	76	765
Ranau	1	26	34	0	4	65	543
Kota Belud	0	34	18	0	4	56	607
Kinabatangan	39	0	0	0	0	39	189
Penampang	0	20	13	0	2	35	486
Beaufort	0	21	13	0	1	35	401
Kudat	0	12	13	0	1	26	207
Tenom	1	13	6	0	2	22	343
Papar	0	10	10	0	1	21	395
Kota Marudu	0	9	8	0	3	20	407
Kuala Penyu	0	13	3	0	0	16	106
Sipitang	0	2	12	0	1	15	155
Tambunan	0	6	8	0	0	14	195
Putatan	0	5	6	0	1	12	213
Pitas	0	6	6	0	0	12	94
Keningau	0	0	10	0	1	11	246
Lahad Datu	0	4	6	0	1	11	98
Tongod	0	7	0	0	0	7	56
Beluran	0	0	5	0	1	6	106
Telupid	0	0	4	0	1	5	86
Tawau	0	1	3	0	0	4	135
Sandakan	0	3	1	0	0	4	158
Nabawan	0	1	0	0	0	1	23
Kunak	0	0	0	0	0	0	21
Semporna	0	0	0	0	0	0	14
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	9
JUMLAH	47	311	232	0	32	622	7,203

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tenom	Kluster Mantailang Atas	1
Kota Kinabalu	Kluster Lautan Biru Pantai	6
Ranau	Kluster Kemburongoh	1
Kinabatangan	Kluster Sawit Jati	39
Jumlah		47

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,266 unit

- Hospital 1,379 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,397 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 31.45%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	620
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	622

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	574
Bukan Malaysia	48
Jumlah	622

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	118
Belum Menerima Vaksin	45
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	455
Jumlah	622

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	47
6 to 11	65
12 to 17	41
18 to 25	89
26 to 59	302
>60	72
Jumlah	622

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 23 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,400 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,022 orang adalah penduduk dewasa dan 378 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 23 November 2021 adalah seramai 2,438,310 orang. Ini meliputi 2,104,863 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.31% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,386,410 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,080,695 orang atau 75.43% adalah penduduk dewasa.

- 3 Seramai 333,447 orang atau 76.83% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 305,715 atau 70.44% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **677,036** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,538 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 130 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat dibawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002, Akta Perikanan 1985 Dan Akta Imigresen 1959/63 dan satu lagi dibawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 978 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

- ii Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran.
 - iii Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 415 Premis Perniagaan melibatkan 203 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 22 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 239 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Ranau	98.7%
3	Kota Kinabalu	98.7%
4	Kota Belud	98.7%
5	Tawau	98.6%
6	Sandakan	98.6%
7	Lahad Datu	98.6%
8	Semporna	98.5%
9	Penampang	98.4%
10	Tenom	98.3%
11	Keningau	98.3%
12	Kudat	98.3%
13	Sipitang	98.3%
14	Beaufort	98.2%
15	Kinabatangan	98.2%
16	Beluran	98.1%
17	Kota Marudu	98.1%
18	Tuaran	98.1%
19	Papar	98.1%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**